



BINCANG...Saravanan (kanan) ketika melawat Kompleks Perniagaan dan Komuniti Bandar Baru Sentul, semalam.

# Kompleks RM20j dibuka 11 Oktober

**K**UALA LUMPUR: Kompleks Perniagaan dan Komuniti Bandar Baru Sentul di sini bernilai RM20 juta yang dibina sejak enam tahun lalu dijangka mula beroperasi 11 Oktober depan selepas semua peniaga berpindah ke pusat berkenaan.

Kompleks itu antara lima projek dilaksanakan di bawah rancangan pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang memberi perhatian kepada peningkatan taraf hidup peniaga kecil, sekali gus menjana pendapatan lebih tinggi.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' M Saravanan, berkata pusat komersial di Sentul itu diyakini mampu menyelesaikan sebahagian besar masalah perniagaan di kawasan itu selain memastikan ramai golongan belia menjalankan aktiviti berfaedah.

"Saya berpuas hati dengan kemudahan dan infrastruktur yang disediakan DBKL di pusat ini, malah saya percaya dengan ada-

nya kompleks ini akan menjadi pusat kegiatan aktiviti sosial di kalangan masyarakat setempat.

"Secara keseluruhan, ia sudah siap dan boleh diduduki bila-bila masa, namun kebanyakan peniaga kecil mohon untuk berpindah selepas Aidilfitri nanti, jadi kita tangguhkan hingga Oktober ini," katanya ketika melawat kompleks berkenaan, semalam.

Menurutnya, tiada sebarang masalah untuk memindahkan peniaga kecil dan penjaja ke kompleks perniagaan itu memandangkan rata-rata mereka bersatu berikutan kemudahan disediakan baik dan lebih selesa.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Peniaga Kecil DBKL, Ramly Othman, berkata antara kemudahan yang disediakan termasuk klinik ibu mengandung dan kanak-kanak, perpustakaan awam, padang futsal dan ping pong, lif serta tempat meletak kenderaan.